

UCAPAN YANG AMAT BERBAHAGIA
DATO SERI DATIN PADUKA
DR. SITI HASMAH BTE HJ. MOHD. ALI
DI UPACARA PERASMIAN KURSUS PERANAN BELIA
DAN BELIAWANIS DALAM MEMERANGI DADAH
AMJURAN BIRO WANITA MAJLIS BELIA NEGERI KEDAH
DI TAPIAN GELANGGANG, ALOR SETAR, KEDAH
PADA HARI SABTU, 1HB. MAC, 1986
PUKUL 10.30 PAGI

Bismillahir rahmanir rahim.

Assalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat sejahtera.

Yang Berusaha Pengerusi Majlis;

Dif-Dif Kehormat;

Tuan-tuan dan Puan-puan;

Saudara-saudari sekalian.

Segala puji-pujian bagi Allah Subhanahu Wataala, selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad s.a.w. dan keluarganya serta sahabat-sahabatnya.

2. Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan limpah kurniaNya dapat kita bersama-sama di Majlis Perasraian Kursus 'Peranan Belia Dan Beliawanis Dalam Memerangi Dadah' anjuran Biro Wanita Majlis Belia Negeri Kedah pada pagi yang berbahagia ini.

3. Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Pengerusi dan Ahli-Ahli Jawatankuasa Penganjur yang telah

sudi mengundang saya untuk merasmikan Kursus ini. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Majlis Belia Negeri Kedah dan Jawatankuasa Penganjur yang telah mengambil inisiatif mengadakan Kursus ini dan sama-sama memainkan peranan penting dalam usaha Kerajaan membasmi penyalah-gunaan dadah yang kini telah menjadi satu penyakit masyarakat yang serius. Saya menganggap Kursus ini merupakan satu petanda baik kerana kaum belia di negara ini telah menyedari akan masalah dadah di kalangan mereka.

Saudara-saudari sekalian,

4. Adalah baik sekiranya saya menyebut dahulu dengan mengambil kira keadaan dan harapan bangsa dan negara ini. Jumlah penduduk di negara ini pada tahun 1984 ialah kira-kira 15.3 juta orang. Perangkaan menunjukkan 37.9 peratus daripada penduduk negara ini adalah terdiri daripada mereka yang berumur kurang daripada 15 tahun, 20.9 peratus terdiri daripada 15 hingga 24 tahun, 25.5 peratus terdiri daripada 25 hingga 44 tahun, 11.6 peratus terdiri daripada 45 hingga 64 tahun dan 3.9 peratus terdiri daripada mereka yang berumur lebih daripada 65 tahun. Perangkaan tadi jelas menunjukkan bahawa 46 peratus penduduk di negara ini adalah terdiri daripada golongan yang berumur antara 15 hingga 44 tahun, dan mereka inilah yang benar-benar menjadi harapan bangsa dan negara. Golongan muda inilah yang akan menentukan maju mundurnya sesebuah negara di masa hadapan. Merekalah yang diharapkan akan menjadi masyarakat terpelajar dengan ilmu pengetahuan dalam usaha membantu meningkatkan lagi kemajuan dan pembangunan negara supaya dihormati oleh negara-negara luar, baik daripada segi kebolehan, kecekapan, disiplin dan semangat kebangsaannya.

5. Daripada perangkaan itu juga didapati bahawa peratus bilangan penduduk lelaki dan perempuan yang berumur antara 15 hingga 44 tahun adalah sama. Dengan itu peluang mencapai

pelajaran dan mendapatkan pekerjaan di kalangan kaum wanita di negara ini juga adalah sama.

Saudara-saudari sekalian,

6. Memang benar negara kita mempunyai sumber tenaga manusia atau 'human resources' yang banyak untuk membangunkan negara. Tetapi yang penting ialah rakyat yang sihat, bertenaga dan berkebolehan. Golongan belia hendaklah sihat fizikal dan mental supaya cekap dan kuat bekerja dan cepat bertindak. Di samping itu kita perlukan juga golongan yang bersopan-santun dan tertib, serta mengamalkan adat-adat dan kebudayaan yang terdapat di negara ini. Kita mahukan supaya nilai-nilai hidup dan akhlak yang murni ditanamkan dalam sanubari golongan muda. Ajaran dan didikan agama yang secukupnya hendaklah diberikan kepada mereka supaya mereka tidak mudah terpengaruh dengan gejala-gejala yang tidak sihat dan merosakkan.

7. Dalam tahun 1970, bilangan penagih dadah yang dikesan untuk kali pertamanya berjumlah 711 orang. Ia telah meningkat menjadi 5,062 orang pada tahun 1975 dan meningkat lagi kepada 9850 orang pada tahun 1976. Pada tahun 1980 pula jumlah penagih dadah telah turun kepada 7,154 orang, tetapi meningkat semula kepada 10391 orang pada tahun 1981 dan terus meningkat lagi menjadi 14,624 orang pada tahun 1983. Ini adalah bilangan penagih dadah yang terbesar sekali dikesan buat kali pertama dalam tahun 1980-an ini. Semenjak pelancaran Kempen Anti Dadah peringkat kebangsaan pada tahun 1983 dan hasil daripada usaha-usaha masyarakat mencegah penyalah-gunaan dadah dengan lebih agresif, bilangan penagih dadah pada tahun berikutnya telah menurun kepada 11,915 orang, dan hingga November tahun lalu, angkanya telah menurun kepada kira-kira 5,671 orang. Jumlah penagih dadah keseluruhannya yang telah dikesan atau dilaporkan semenjak tahun 1970 hingga November, 1985

berjumlah 109,896 orang yang kebanyakannya terdiri daripada kaum belia.

8. Pada tahun 1985, 98.4 peratus daripada jumlah penagih dadah yang dikesan adalah terdiri daripada kaum lelaki, manakala 1.6 peratus adalah terdiri daripada kaum wanita. Peratusan penglibatan kaum wanita yang kecil dalam penyalah-gunaan dadah tidak bermakna mereka harus berdiam diri, sebaliknya mereka mempunyai peranan penting untuk memastikan supaya peratusan ini tidak meningkat dan membantu usaha Kerajaan membanteras masalah ini.

9. Mengikut peringkat umur pula, 62.7 peratus penagih dadah adalah terdiri daripada kumpulan umur 20 hingga 29 tahun, 10 peratus terdiri daripada kumpulan umur 10 hingga 19 tahun, dan peratusan yang minimal iaitu 0.9 peratus terdiri daripada penuntut-penuntut sekolah. Inilah tiga kumpulan besar yang mesti dihindarkan daripada menyalah-gunakan dadah di negara ini.

Saudara-saudari sekalian,

10. Berbagai faktor telah dikemukakan kenapa dan mengapakah sesaorang itu menyalah-gunakan dadah. Di antara faktor-faktor itu ialah faktor individu, di mana sesaorang anak muda yang tidak tegas dalam pendiriannya akan mudah dipengaruhi oleh rakan-rakan mereka yang telahpun menjadi penagih dadah. Selain daripada itu, ada juga ibubapa yang beraspirasi terlalu tinggi bagi anak-anak mereka sehingga mendesak anak-anak mereka belajar kuat untuk mencapai gred-gred yang cemerlang sahaja. Desakan ini meletakkan anak itu kepada keadaan yang cemas, dan takut mengecewakan aspirasi ibubapa lebih daripada dirinya sendiri. Ketegangan ini mendorong mereka untuk mencari jalan yang difikirkan mudah bagi menenangkan fikiran mereka iaitu dengan dadah. Keadaan seperti ini juga berlaku kepada

eksekutif-eksekutif dan para artis yang muda dan beraspirasi tinggi.

11. Faktor sosio-ekonomi dan pengaruh keadaan sekeliling juga telah mendedahkan anak-anak muda kepada gejala buruk ini. Faktor moral dan akhlak yang rendah lebih mudah menarik muda-mudi ke lembah jenayah dan menyalah-gunakan dadah. Faktor-faktor yang disebutkan tadi telah sedikit sebanyak menjadi sebab kepada sesorang itu mencari jalan mudah untuk mengatasi masalah-masalahnya yang akhirnya telah menceburkan mereka kepada gejala-gejala yang tidak sihat seperti menyalah-gunakan dadah dan sebagainya.

12. Dadah adalah satu bahan yang boleh meracuni dan merosakkan kecerdasan otak dan tubuh badan manusia. Pembesaran tubuh-badan, dan kecerdasan otak khasnya akan terbantut sekiranya sesorang penagih itu masih lagi muda remaja. Kecerdasan dan kemajuannya dalam bidang pelajaran akan merosot, tumpuannya akan terjejas sehingga ia tidak boleh belajar lagi. Muda-mudi pula akan mengalami perubahan personaliti yang begitu ketara seperti sering mengasingkan diri daripada kawan-kawan, takut dan sebagainya. Sesaorang itu mula menyalah-gunakan dadah melalui pergaulan dengan rakan-rakan mereka, tetapi apabila mereka telah menjadi penagih mereka akhirnya akan menghadkan pergaulan kepada usaha untuk mencari dadah semata-mata. Inilah yang membawa kesan buruk dan merosakkan personaliti sesorang penagih itu. Mereka menjadi 'confidence trickster' atau pembohong, banyak membuang masa dan tenaga semata-mata untuk mendapatkan dadah sehingga berani mencuri daripada keluarga mereka sendiri dan akhirnya melakukan jenayah. Semakin lama mereka semakin menarik diri daripada pergaulan; dan mereka berkawan dengan hanya sebilangan kecil sahaja, selalunya dengan penagih yang lain. Penagih-penagih ini akan berusaha sedaya upaya meyakinkan orang lain bahawa mereka tidak pernah menyalah-gunakan dadah. Mereka tidak merasa segan dan malu dan tidak mahu mengaku kesalahan mereka.

13. Kesan buruk akibat daripada penyalah-gunaan dadah juga akan menimpa kaum wanita khususnya ketika hamil, di mana dadah akan merosakkan kehamilan itu dan akhirnya melahirkan janin yang kecil, cacat atau yang tidak bernyawa. Dadah juga akan merosakkan kesuburan badan dan mengurangkan daya ketahanan tubuh badan. Oleh kerana ketidak-upayaan untuk melawan penyakit, lain, maka para penagih dadah mudah diserang oleh penyakit merbahaya yang mungkin akan membawa maut. Pakar-pakar perubatan juga ada mengatakan bahawa penagih dadah mudah dijangkiti atau diserang oleh penyakit AIDS.

Saudara-saudari sekalian,

14. Dengan gambaran yang telah disebutkan, apakah kita perlu berdiam diri sahaja? Bolehkah kita membiarkan muda-mudi kita dirosak atau dimusnahkan oleh dadah, sedangkan negara memerlukan mereka? Negara akan kukuh dan kuat sekiranya belia dan beliawanisnya menyedari hakikat bahawa nasib serta masa depan negara adalah tergantung kepada rakyat yang sihat tubuh-badannya, mental dan berakhlak mulia serta berhemah tinggi.

15. Saya ingin melihat banyak lagi belia dan beliawanis berkumpul dan bersatu dalam usaha memerangi dan membanteras penyalah-gunaan dadah kerana saudara-saudarilah yang boleh meyakinkan para belia dan beliawanis sendiri. Marilah kita sama-sama memastikan bahawa tidak terdapat segolongan manusia yang tidak menghiraukan sama ada perbuatan mereka itu merosakkan ibubapa, anak dan keluarga mereka sendiri kerana tamakkan wang ringgit. Mereka tidak berasa takut kepada bahaya penyalah-gunaan dadah ataupun hukuman undang-undang sekiranya mereka didapati bersalah. Semuanya ini adalah disebabkan semata-mata untuk mendapatkan wang ringgit dalam masa yang singkat. Belia dan beliawanis perlu bersama-sama membantu usaha Kerajaan untuk bertindak dengan cepat melindungi rakan-rakan sebaya daripada terjerumus kepada penyalah-gunaan dadah.

16. Saya percaya sempena Tahun Belia Antarabangsa tahun lalu, belia dan beliawanis tentu berazam untuk memainkan peranan yang lebih positif dalam menghadapi masalah dadah ini. Saya ingin menyarankan di sini supaya belia dan beliawanis dapat menggembling tenaga melalui satu badan atau organisasi yang berhubung rapat dengan Pasukan Petugas Anti Dadah dan PEMADAM peringkat pusat dan negeri, supaya dapat sama-sama merancang pencegahan penyalah-gunaan dadah di kalangan anak-anak muda. Kaum belia juga boleh menjadi 'peer pressure group'¹ secara positif dan menubuhkan kumpulan counselling dalam kumpulan-kumpulan kecil supaya rakan-rakan mereka yang mula terlibat dalam penyalah-gunaan dadah boleh meminta pertolongan.

17. Saya berdoa dan berharap supaya Kursus seperti ini akan banyak lagi diadakan dalam perkumpulan-perkumpulan atau pertubuhan-pertubuhan belia yang ada di negara ini. Matlamat kita ialah untuk melihat generasi muda yang bebas daripada ancaman dadah, dan adalah menjadi tanggungjawab kita bersama untuk berusaha dengan jujur dan kuat dengan apa cara sekalipun, supaya matlamat yang baik ini akan tercapai.

18. Dengan harapan ini dan dengan doa semoga Allah Subhanu Wataala menaberkatikan dan merestui usaha yang murni ini, saya dengan sukacitanya merasmikan pembukaan Kursus Peranan Belia Dan Beliawanis Dalam Memerangi Dadah anjuran Biro Wanita Majlis Belia Negeri Kedah ini.

Wabillahi taufik walhidayah wassalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh.
